

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 28 OKTOBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

## Peneroka Felda bakal menikmati semula duit raya

### Peneroka Felda bakal nikmati semula duit raya

**BERA** – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, peneroka Felda wajar menikmati semula insentif atau duit raya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dihentikan sejak 2019.

Sehubungan itu, beliau meminta pengurusan Felda melihat balik insentif berkenaan yang da-

pat membantu mengembirakan dan meringankan beban warga peneroka.

Katanya, layanan kepada warga peneroka Felda cukup istimewa sehingga ada yang menganggap mereka sebagai anak emas kerajaan.

"Apabila saya jadi wakil rakyat di Bera ini, perkara yang susah

saya hendak jawab kenapa warga Felda diberikan keistimewaan berbanding orang lain.

"Setiap kali raya, orang lain tiada duit raya, peneroka ada duit raya. Itu dululah, sekarang ia dihentikan seketika. Jadi sekarang kena fikirkan semula duit raya kepada peneroka Felda," katanya pada Majlis Himpunan Keluarga

Felda Teguh Bersama di Felda Mayam di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, ekoran keistimewaan diterima, orang luar mengangap peneroka Felda sebagai anak emas kerajaan.

"Itu persepsi orang luar kepada peneroka, pelbagai insentif dapat sejak dari dulu, walaupun

beberapa ketika Felda menghadapi masalah dalaman, tetapi warga peneroka tidak dilupakan.

"Warga Felda terus dijaga oleh kerajaan dan ditatang sebagai anak emas oleh kerajaan. Itulah persepsinya kerana layanan dan insentif yang banyak diberikan kepada warga Felda," jelasnya.